



DALAM PERSEKITARAN KATA-KATA

"Dia mencipta manusia.
Mengajarnya pandai berbicara."
(Al-Quran, 55:3-4)

Engkau beri kami kata-kata
dan akal untuk mengucapkannya.
Kami pindahkan makna,
dari tempat ke tempat,
dari zaman ke zaman.

Engkau jadikan kami bangsa
berkulit sawo matang.
Belayar di samudera jauh
menjelajah pulau-pulau, dan berlabuh
di pantai-pantai semenanjung.

Kata-kata yang berselerakan
langit, bumi, laut, gunung,
awan, hujan dan pohon,
adalah persekitaran.
Seperti kami memetik buah-buahan
kami sunting istilah iman,
daripada kitab-kitab silam,
mentakrif tanda alam,
dan menjernihkan tafsiran.

Kata-kata mengembangkan pengalaman,
terbentang di semesta alam,
memaknakan kewujudan.

Dipetik daripada antologi,
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1.(1) Maksud yang sesuai dengan frasa *memaknakan kewujudan* yang terdapat dalam sajak ialah...

- ☐ A menjelaskan definisi.
- ☐ B menyampaikan amanat.
- ☐ C memaksudkan keadaan.
- ☐ D mengertikan adanya sesuatu.

2.(2) Mengapakah Tuhan menjadikan bahasa untuk manusia disertai akal?

- ☐ A Supaya manusia lebih bijak daripada makhluk lain
- ☐ B Supaya manusia dapat berkomunikasi dengan lebih baik
- ☐ C Supaya manusia dapat menikmati kelebihan yang dimiliki
- ☐ D Supaya manusia menggunakan bahasa dan akal dari zaman ke zaman

3.(3) Bagaimanakah manusia dapat menambahkan ilmu?

- ☐ A Melalui pengalaman yang ditimba
- ☐ B Melalui pemerhatian terhadap persekitaran
- ☐ C Melalui pengajaran para ilmuwan yang terbilang
- ☐ D Melalui pembacaan kitab-kitab yang dikarang pada masa silam

4.(4) Unsur alam yang terdapat dalam pantun ini ialah...

- ☐ A akal.
- ☐ B iman.
- ☐ C sawo.
- ☐ D samudera.

5.(5) Apakah yang ingin diungkapkan melalui **rangkap terakhir** sajak?

- ☐ A Manusia akan lebih mencintai alam apabila memiliki ilmu.
- ☐ B Manusia dapat memahami kewujudan alam semesta dengan ilmu.
- ☐ C Manusia dapat menambahkan pengalaman dengan meneroka alam semesta.
- ☐ D Manusia perlu menambahkan ilmu untuk memahami kewujudan alam semesta.

Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

HAKIM: Masa sudah cukup. Baik, kita sambung perbincaraan.
PENDAKWA RAYA bangun untuk memulakan tugasnya.
PENDAKWA RAYA: Bulat bin Leper, adakah pada 10 Januari 1988, antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi, kamu berada di Taman Gagak Putih?
TERTUDUH 1: Ya, benar, tuan.
PENDAKWA RAYA: Dan pada waktu yang tersebut itu, kamu telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya?
TERTUDUH 1: Ya, benar sekali, tuan.
PENDAKWA RAYA: Dan dalam waktu yang tersebut itu, seorang nenek yang sedang berjoging telah terpijak kulit pisang yang kamu buang lalu tergelincir dan jatuh. Kejadian itu menyebabkan pinggangnya patah dan dia mati dalam perjalanan ke hospital.

Adakah kamu mengaku bahawa kenyataan ini benar?
TERTUDUH 1: Kenyataan itu tidak benar, tuan.
PENDAKWA RAYA: Saya ulang. Adakah kamu makan pisang pada waktu tersebut?
TERTUDUH 1: Benar, tuan.
PENDAKWA RAYA: Dan kulit pisang itu, kamu yang buang, bukan?
TERTUDUH 1: Benar, tuan.
PENDAKWA RAYA: Dan nenek itu mati akibat terpijak kulit pisang yang kamu buang, bukan?
TERTUDUH 1: Tidak benar, tuan.

Dipetik daripada drama 'Mahkamah',
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

6.(1) Siapakah yang telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya?

- ☐ A Hakim
- ☐ B Bulat bin Leper
- ☐ C Seorang nenek
- ☐ D Pendakwa raya

7.(2) Mengapakah Tertuduh 1 tidak mahu mengaku bersalah?

- ☐ A Bukan dia yang menyambung perbincaraan
- ☐ B Bukan dia yang membuang kulit pisang itu
- ☐ C Bukan dia yang menyebabkan nenek itu mati
- ☐ D Bukan dia yang makan pisang pada waktu tersebut

8.(3) Di manakah peristiwa dalam petikan drama di atas berlaku?

- ☐ A Di hospital
- ☐ B Di rumah Tertuduh 1
- ☐ C Di dalam mahkamah
- ☐ D Di Taman Gagak Putih

Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

ROTI

Dari cerobong dapur
asap berjelaga berkepul
terkecur liur
harum berbau juadah tersohor.

Perut yang lapar
selera kian mengelepar
menanti roti dibakar
rangup dan segar
terhidang seumpama permaidani terhampar.

Kala roti di depan mata
nafsu makan pun bergelora
berkeping-keping menggegar selera
perut pun kenyang terasa
tenang bersendawa.

Bagi pemilik iman di dada
sendawa itu tidak sempurna
masih ada beban di bahu mereka
warga miskin belum terbela
masih merintih lapar dahaga.

Bila begitu selamanya
kalimah syukur pun jelas tertera
di hati sanubari warga dunia
melangit damai dirasa
percikan iman segar berwarna.

Dipetik daripada antologi
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

9.(1) Bagaimanakah keadaan roti yang siap dibakar?

- ☐ A Enak dan rangup
- ☐ B Segar dan lembut
- ☐ C Rangup dan segar
- ☐ D Rangup dan lembut

10.(2) Apakah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh orang yang beriman?

- ☐ A Membela nasib orang miskin
- ☐ B Memberikan roti kepada orang lain
- ☐ C Makan bersama-sama dengan orang miskin
- ☐ D Memberikan pekerjaan kepada orang miskin

11.(3) Apakah contoh gaya bahasa bagi metafora?

- ☐ A percikan iman
- ☐ B menggegar selera
- ☐ C permaidani terhampar
- ☐ D melangit damai dirasa

12.(4) Nilai yang terdapat dalam **rangkap terakhir** sajak ialah...

- ☐ A kesetiaan.
- ☐ B kepatuhan.
- ☐ C keberanian.
- ☐ D kesyukuran.

Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUCARI DAMAI DI SINI

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyalau dan merdeka antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma
dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.

Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebanggaan
untuk generasi masa depan.

Dipetik daripada antologi
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

13.(1) Bagaimanakah keadaan negara penyajak?

- ☐ A Maju dan sejahtera
- ☐ B Aman dan makmur
- ☐ C Bebas dan sejahtera
- ☐ D Makmur dan merdeka

14.(2) Mengapakah penyajak berharap agar segala masalah yang berlaku perlu diatasi dengan bijaknya?

- ☐ A Supaya negara sentiasa aman dan sejahtera
- ☐ B Supaya dapat menjadi contoh kepada negara lain
- ☐ C Supaya tiada negara lain yang memusuhi negara kita
- ☐ D Supaya dapat menjadi kebanggaan kepada generasi akan datang

15.(3) Nada bagi sajak ini ialah...

- ☐ A sinis.
- ☐ B patriotik.
- ☐ C romantis.
- ☐ D melankolik.

16.(4) Apakah tema bagi sajak ini?

- ☐ A Kesetiaan rakyat kepada negara.
- ☐ B Sumbangan rakyat terhadap keamanan negara.
- ☐ C Pengorbanan para pahlawan untuk memerdekakan negara.
- ☐ D Penghargaan terhadap keamanan dan kesejahteraan negara.

Baca pantun di bawah ini dengan telitnya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PANTUN BUDI

- 1 Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.
- 2 Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.
- 3 Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.
- 4 Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang.
- 5 Anak buruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.
- 6 Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.
- 7 Padang Temu padang baiduri,
Tempat raja membangun kota;
Bijak bertemu dengan jauhari,
Bagai cincin dengan permata.

Dipetik daripada antologi,
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

17.(1) Berdasarkan pantun, seseorang yang tidak berbudi bahasa akan...

- ☐ A selalu disebut-sebut orang.
- ☐ B dipandang hina oleh masyarakat.
- ☐ C disanjung tinggi oleh masyarakat.
- ☐ D akan diberikan hukuman yang sewajarnya.

18.(2)

Sebab emas budi terbuang

Perkataan "emas" dalam baris pantun di atas merujuk...

- ☐ A kekayaan.
- ☐ B kemahuan.
- ☐ C sumbangan.
- ☐ D pengorbanan.

19.(3) Antara yang berikut, yang manakah contoh gaya bahasa bagi simile?

- ☐ A indah tampan kerana budi
- ☐ B adat dunia memang begitu
- ☐ C hina manusia tidak berbudi
- ☐ D bagai cincin dengan permata

20.(4) Pengajaran yang **tidak** terdapat dalam pantun ini ialah...

- ☐ A kita hendaklah mengenang jasa orang yang berbudi kepada kita.
- ☐ B kita mestilah mengutamakan orang lain lebih daripada diri sendiri.
- ☐ C kita haruslah merendah diri agar tidak dipandang serong oleh masyarakat.
- ☐ D kita perlulah menjadi golongan yang bijaksana supaya dapat membangunkan negara.